



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### KENYATAAN MEDIA

## SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA MENYEMARAKKAN SEMANGAT MUHIBAH

---

**18 Jun 2022** – Muar, Johor – Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan program **Semarak Uniti Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Johor** bertempat di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor.

2. Program yang kali pertama dianjurkan Kementerian Perpaduan Negara di peringkat Negeri ini berlangsung selama dua hari iaitu bermula 18 hingga 19 Jun 2022. Bertemakan “Merakyatkan Perpaduan Keluarga Malaysia”, program ini berpaksikan 3 teras Keluarga Malaysia iaitu **Keterangkuman, Kebersamaan** dan **Kesyukuran**.

3. Penganjuran program ini adalah bagi menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia dan merupakan *platform* yang menjadi Tapak Integrasi untuk membina dan menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira perbezaan kaum, bangsa dan agama.

4. Antara pengisian Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Johor adalah:

- i. KPN Prihatin Keluarga Malaysia;
- ii. Sembang UNITI Keluarga Malaysia;
- iii. Pameran oleh agensi dan Komuniti Rukun Tetangga (KRT);
- iv. Program Cendekiawan CILIK;

- v. Rumah KAMI Keluarga Malaysia;
- vi. Rewang Muafakat Keluarga Malaysia;
- vii. Jom Sihat Keluarga Malaysia;
- viii. *Unity Ride*;
- ix. *Unity Run*;
- x. Sukan Keluarga Malaysia; dan
- xi. Citarasa Menu Keluarga Malaysia.

6. Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Johor turut melibatkan pempamer dari pelbagai agensi Kerajaan dan swasta yang menawarkan perkhidmatan kepada warga Muar. Turut diadakan aktiviti melempar *mud ball* ke Muara Muar dalam usaha melestraikan sungai. Dengan meletakkan Mud Ball ke dalam air, bola campuran tanah liat dan bahan-bahan organik itu mampu menstabilkan pH air, mengurangkan bau busuk air serta memecahkan molekul-molekul organik, sisa sampah dan sebagainya. YB Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan Sijil Penghargaan Penghasilan Effective Microorganisms Mud Ball Terbanyak kepada Agensi Daerah Muar yang telah Berjaya mencatat rekod di Malaysia Book of Records (MBOR).

7. Bersempena program ini, Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan sebanyak 400 kotak RT Cares kepada penerima melalui program KPN Prihatin Keluarga Malaysia. Selain itu, sebanyak 100 kotak RT Cares telah disumbangkan kepada penduduk dari golongan B40 di Kampung Kenangan Tun Dr Ismail 2 dan 100 kotak Kpg Baru Prihatin disampaikan kepada penerima dari Kpg Baru Bukit Bakri.

8. Majlis pada hari ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon, Exco Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsuddin, Pegawai Daerah Muar dan YBhg. Dato' Indera Noridah Binti Abd Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique turut menzahirkan harapan beliau agar program ini dapat menjadi salah satu

Tapak Integrasi bagi memperkukuhkan ikatan perpaduan dan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

18 Jun 2022

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (131)

## LAMPIRAN

### AKTIVITI DI SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA PERINGKAT NEGERI JOHOR

#### 1. CITARASA MENU KELUARGA MALAYSIA

- Pertandingan Tebar Roti Canai Terbang
- Pertandingan Teh Tarik Champion
- Pertandingan Masak Asam Pedas
- Pertandingan Mengayam Ketupat
- Demo buat putu mayam, kuih kouichi cina, Karipap

#### 2. AKTIVITI KELUARGA MALAYSIA

- Jom Sihat UNITI Keluarga Malaysia
  - *Unity Ride*
  - *Unity Ride*
- Program Cendekiawan Cilik (C.E.L.I.K.)
  - Segmen Agro – Demonstrasi Menanam Sayuran
  - Segmen Muzik – Hasilkan alatan muzik dan belajar muzik
  - Segmen Kenderaan – Demonstrasi hasilkan pelbagai jenis kenderaan.
- Pameran dan Jualan Agensi
- Artis Jemputan (Aisyah Othman)
- Pertandingan Zapin
- Persembahan Tai Chi
- Demonstrasi Seni Mempertahankan Diri
- Eksplorasi Negara Kita

#### 3. RUMAH KAMI KELUARGA MALAYSIA

- Pameran Perkahwinan Masyarakat Melayu, India, Cina, Orang Asli, Sabah dan Sarawak

- Pameran Masakan Masyarakat Melayu, India, Cina, Orang Asli, Sabah dan Sarawak
- Pameran Budaya Masyarakat Melayu, India, Cina, Orang Asli, Sabah dan Sarawak

#### **4. SUKAN UNITI KELUARGA MALAYSIA**

- Street Soccer
- Bola Keranjang 3 on 3

#### **5. SEMBANG UNITI KELUARGA MALAYSIA**